

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PELANCARAN PERANAN MAJLIS KEBAJIKAN MASYARAKAT KEBANGSAAN
MALAYSIA (MKMK) DI DALAM KEMPEN PUBLISITI KEBANGSAAN 1988 MENGENAI KEBAJIKAN
SOSIAL
Lokasi : MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)
Tarikh : 01-07-1988

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Tuan-tuan dan puan-puan, Saya terlebih dahulu merakamkan penghargaan kepada Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan Malaysia, atau MKMK, kerana menjemput saya untuk melancarkan peranan Majlis Kebajikan tersebut menjelang Kempen Publisiti Kebangsaan 1988 Mengenai Kebajikan Sosial.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kempen Publisiti Kebangsaan 1988 Mengenai Kebajikan Sosial ini akan dianjurkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat pada bulan Oktober tahun ini. Menjelang Kempen tersebut, Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan telah diberi tanggungjawab menyelaras berbagai aktiviti yang berterusan selama tiga bulan, mulai bulan Julai sehinggalah bulan September tahun ini, yang akan dikendalikan oleh badan-badan kebajikan sukarela yang menjadi pertubuhan gabungan Majlis Kebajikan itu. Adalah menjadi harapan Majlis Kebajikan itu supaya aktiviti-aktiviti tersebut akan dapat menjadi persediaan asas bagi pelancaran Kempen Publisiti Kebangsaan itu nanti.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Inilah kali pertama Kempen seperti ini akan dianjurkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Dengan itu, sebelum saya memperkatakan dengan lebih lanjut mengenai aktiviti-aktiviti sepanjang tiga bulan yang akan datang, saya ingin menyentuh sedikit mengenai matlamat-matlamat Kempen Publisiti Kebangsaan tersebut yang mempunyai kaitan rapat dengan aktiviti-aktiviti yang akan diselaraskan oleh Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan.

4. Kempen Publisiti Kebangsaan ini bertemakan 'Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat, Tanggungjawab Kita Bersama'. Salah satu tujuan Kempen ini di seluruh negara pada bulan Oktober nanti ialah mendedahkan kepada orang ramai mengenai berbagai perkhidmatan kebajikan yang disediakan oleh Kerajaan dan juga pertubuhan-pertubuhan kebajikan sosial sukarela. Kebajikan adalah juga tanggungjawab bersama di antara Kerajaan dan semua anggota masyarakat; dan dengan ini adalah menjadi matlamat yang kedua Kempen Publisiti tersebut untuk menyedarkan semua anggota masyarakat akan tanggungjawab mereka terhadap kebajikan orang-orang yang kurang bernasib baik dan yang memerlukan bantuan.

5. Di samping itu, Kempen ini akan menonjolkan aktiviti-aktiviti dan pencapaian pertubuhan-pertubuhan sukarela supaya menimbulkan keinsafan serta semangat kesedaran di kalangan orang ramai untuk memberi sumbangan dan khidmat sukarela. Akhirnya, Kempen Publisiti ini akan memberi peluang kepada orang ramai untuk menyaksikan sendiri kebolehan, keupayaan, kemampuan dan kemahiran golongan orang cacat dan potensi mereka dari segi latihan dan pekerjaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Saya juga ingin menyentuh mengenai badan-badan kebajikan sukarela dan aktiviti-aktiviti mereka sepanjang tiga bulan yang akan datang. Siri aktiviti oleh pertubuhan kebajikan sukarela itu bertujuan mendedah dan menyedarkan orang ramai mengenai berbagai perkhidmatan kebajikan, yang disediakan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela yang bertujuan untuk menambah dan melengkapkan perkhidmatan kebajikan yang disediakan oleh Kerajaan. Siri aktiviti tersebut akan juga mendedahkan kepada orang ramai mengenai cara-cara bagi mereka menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan ini.

7. Aktiviti-aktiviti badan kebajikan sukarela sepanjang tiga bulan itu bolehlah dibahagikan kepada tiga peringkat. Aktiviti-aktiviti berkaitan dengan 'Khidmat Kebajikan Kanak-kanak' akan dijalankan sepanjang bulan Julai. Pada bulan Ogos pula, aktiviti-aktiviti mengenai 'Khidmat Orang-orang Cacat' akan

dianjurkan dan akhirnya pada bulan September, badan-badan kebajikan sukarela akan menganjurkan aktiviti-aktiviti mengenai 'Khidmat Orang-orang Tua'.

8. Mengenai 'Khidmat Kebajikan Kanak-kanak' yang akan dilancarkan pada bulan Julai ini, beberapa aktiviti menarik akan dijalankan. Aktiviti-aktiviti itu termasuklah mengadakan bengkel, kem kanak-kanak, sukan bagi mereka yang cacat, permainan keselamatan jalanraya, 'hot line' mengenai kebajikan kanak-kanak, guru pengajar di hospital, forum di televisyen, mini parlimen, tayangan gambar televisyen untuk mengelakkan kemalangan kepada kanak-kanak, dan juga menyediakan risalah mengenai kebajikan mereka.

9. Aktiviti-aktiviti berkaitan 'Khidmat Orang-orang Cacat' pada bulan Ogos pula akan termasuklah publisiti mengenai orang-orang cacat menerusi media massa, mencetak risalah mengenai khidmat orang-orang cacat, pertandingan poster dan esei, pameran gambar, pendaftaran orang-orang cacat, serta akan diadakan juga siri pelajaran khas atau 'special education series'.

10. Selepas itu, aktiviti-aktiviti berkaitan 'Khidmat Orang-orang Tua' pada bulan September dianjurkan supaya menyedarkan lagi orang ramai mengenai perkhidmatan untuk mereka yang lanjut umur dan memerlukan bantuan. Antara aktiviti-aktiviti yang akan diadakan ialah pameran gambar-gambar yang menunjukkan kegiatan-kegiatan rumah orang-orang tua, sama ada tua, sama ada rumah-rumah anjuran Kerajaan atau bukan Kerajaan, kelab warga tua dan rumah jagaan orang-orang tua persendirian. Di samping itu, buku-buku panduan mengenai orang-orang tua, kelab warga tua dan mengenai rumah jagaan orang-orang tua persendirian akan juga dicetak. Orang ramai akan juga didedahkan mengenai skim bantuan umum Kerajaan bagi orang-orang tua. Iklan dan pelekat kereta mengenai orang-orang tua akan diadakan untuk dipamerkan di tempat orang-orang awam atau diedarkan kepada pemilik-pemilik kereta. Akhirnya, berbagai pertunjukan oleh warganegara tua mengenai kegiatan-kegiatan mereka, dan satu forum atau bengkel sehari mengenai orang-orang tua akan diadakan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Saya berharap aktiviti-aktiviti kebajikan sepanjang tiga bulan menjelang Kempen Publisiti Kebangsaan ini akan meningkatkan kesedaran orang ramai akan tanggungjawab mereka semua bagi membantu orang-orang yang memerlukan pertolongan dan bantuan. Memang benar Kerajaan mempunyai program-program dan projek-projek kebajikannya untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik. Walau bagaimanapun, badan-badan kebajikan sukarela telah memainkan peranan membantu dan menokok-tambah usaha-usaha kebajikan oleh Kerajaan. Sebagai individu, tuan-tuan dan puan-puan haruslah menyertai atau menjadi anggota badan-badan kebajikan sukarela ini bagi memberi sumbangan yang bermakna ke arah kerja-kerja kebajikan. Dengan kesedaran ini, insya-Allah, mereka yang kurang bernasib baik di negara kita akan mendapat pembelaan yang sewajarnya.

12. Walau bagaimanapun, kita harus berasa bangga kerana semakin hari semakin ramai individu yang berkeupayaan, dari segi kewangan dan tenaga, mempunyai kesedaran betapa pentingnya mereka turut menganggotai badan-badan kebajikan sukarela di seluruh negara kita. Sebab itulah kita dapat menyaksikan badan-badan kebajikan sukarela di negara ini mempunyai bilangan anggota yang semakin meningkat. Walaupun badan-badan kebajikan sukarela ini menumpukan usaha-usaha kebajikan mereka dalam satu-satu lapangan, pada keseluruhannya, badan-badan kebajikansukarela ini telah berjaya membantu pihak Kerajaan dalam memberi bantuan dan perkhidmatan kepada mereka yang kurang bernasib baik.

13. Dengan adanya aktiviti-aktiviti sepanjang tiga bulan akan datang ini, saya berharap kesedaran orang ramai untuk memberi sumbangan masing-masing terhadap usaha-usaha murni ini akan meningkat lagi. Adalah diharapkan juga, pengetahuan orang ramai mengenai keperluan-keperluan oleh mereka yang kurang bernasib baik ini akan bertambah. Peningkatan pengetahuan di kalangan orang ramai akan memudahkan lagi badan-badan kebajikan memberi bantuan dan perkhidmatan kebajikan mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Akhirnya, sempena dengan pelancaran peranan Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan menyelaras aktiviti-aktiviti oleh badan-badan kebajikan sukarela menjelang Kempen Publisiti Kebangsaan itu, saya berharap orang ramai akan memberi sambutan yang menggalakkan terhadap semua aktiviti yang akan dijalankan kelak. Marilah kita berdoa kepada Tuhan semoga semua usaha-usaha murni ini akan berjaya.

15. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Peranan Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan Malaysia menjelang Kempen Publisiti Kebangsaan 1988 Mengenai Kebajikan Sosial dengan rasminya.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.